

## Penduduk cemas kereta masuk longkang

**KUALA LUMPUR** - Penduduk Flat Midah Ria, Taman Midah Cheras di sini cemas apabila dikejutkan dengan kejadian tanah mendap sehinggakan dua buah kereta milik penghuni terjerumus ke dalam longkang besar yang terletak kira-kira 100 meter dari blok kediaman itu semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman berkata, pihaknya menerima panggilan pukul 6.45 pagi.

Katanya, sebaik tiba di lokasi pihak bomba mendapati ada kejadian hakisan tanah di tempat letak kereta flat berkenaan dan dua buah kereta jenis Proton Wira dan Honda Jazz yang berada di dalam kawasan tersebut terjerumus masuk ke dalam kawasan hakisan.

"Kejadian dipercayai berpunca akibat saluran air longkang pecah. Selain itu, hujan lebat pada kira-kira pukul 5.15 pagi turut menyumbang kepada pergerakan tanah terbabit. Bagaimanapun, hasil pemeriksaan Skwad Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapati kawasan berkenaan selamat untuk didiami," katanya ketika dihubungi semalam.



SEBUAH kereta Honda Jazz terjerumus ke dalam longkang di Taman Midah, Cheras semalam.